



## **GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG (JKSP) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021 (Isnin) serta keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pengoperasian JKSP yang dipengerusikan oleh YAA. Ketua Hakim Syarie pada 12 Januari 2021 (Selasa), garis panduan bagi pengoperasian dan perkhidmatan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang adalah seperti berikut :-

### **1. PERKHIDMATAN KAUNTER**

- Perkhidmatan kaunter dilaksanakan pada setiap hari bekerja mulai jam **8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari** sahaja.
- Semua urusan kaunter **selepas jam 1.00 tengah hari** dilaksanakan melalui pegawai yang dilantik (PIC) secara dalam talian (*online*).
- Setiap mahkamah syariah perlu melantik sekurang-kurangnya **dua (2)** orang PIC yang terdiri daripada Penolong Pendaftar dan Pembantu Pendaftar. Maklumat PIC adalah seperti di **Lampiran A2**.
- Maklumat PIC (nama dan nombor telefon) perlu dipaparkan di setiap kaunter mahkamah atau di tempat yang sesuai untuk rujukan dan boleh dihubungi sepanjang waktu bekerja sahaja.

## 2. PERJALANAN KES-KES PERBICARAAN

- Mahkamah yang bersidang mendengar kes pada hari Isnin hingga Khamis, bermula dari jam **9.00 pagi sehingga jam 1.00 tengah hari** sahaja, **mengikut waktu temu janji** yang telah ditetapkan.
- Bilangan maksimum sebutan kes pada setiap hari : **10 kes** (Mengikut ketetapan oleh PIC).
- Bagi kes perbicaraan penuh hanya dibenarkan **3 kes** pada setiap hari.
- Kehadiran pihak-pihak yang terlibat ke mahkamah juga adalah **mengikut waktu temu janji** dan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan seperti berikut :-
  - a) Memastikan kesihatan diri berada di tahap baik. Jika tidak sihat, tidak dibenarkan untuk hadir ke Mahkamah Syariah;
  - b) Membasuh tangan dengan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* di pintu masuk Mahkamah Syariah;
  - c) Memeriksa suhu badan di pintu masuk Mahkamah Syariah dan menggunakan aplikasi **MySejahtera** atau buku untuk rekod kehadiran;
  - d) Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya **1 meter** di mana-mana tempat di dalam kawasan Mahkamah Syariah, termasuk di Dewan Perbicaraan;

- e) Memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) setiap kali memasuki ke kawasan mahkamah;
- f) Hanya pihak-pihak dan Peguam Syarie yang dilantik sahaja dibenarkan hadir. Kanak-kanak dan ahli keluarga **tidak** dibenarkan hadir dan berada di perkarangan Mahkamah sama sekali; dan
- g) Kes-kes yang melibatkan pihak-pihak peguam dari **Zon Merah** hendaklah **ditangguhkan**.

### 3. KEHADIRAN BERTUGAS KAKITANGAN JKSP

- Kehadiran bertugas bagi semua kakitangan JKSP termasuk petugas kaunter mahkamah dan pentadbiran adalah dari jam **8.30 pagi hingga jam 2.00 petang**, pada setiap hari bekerja.
- **Tiada** tempoh waktu rehat diperuntukkan sepanjang tempoh waktu bekerja tersebut.
- Semua kakitangan hendaklah **bersedia untuk dihubungi selepas jam 2.00 petang** (dalam waktu pejabat) atas urusan-urusan rasmi yang penting.
- Kehadiran direkodkan berdasarkan **thumbprint** melalui Sistem E-Masa seperti biasa.
- Sekiranya diarahkan oleh Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian/Unit, kakitangan yang terlibat hendaklah **bersedia** untuk bertugas sehingga petang, mengikut keperluan.

- Semua kakitangan hendaklah mengamalkan dan mematuhi SOP yang ditetapkan sepanjang tempoh bertugas.

RINGKASAN PELAKSANAAN OPERASI		
BIL	PERKARA	CATATAN
1	Kes-kes yang didengar semasa tempoh PKPB	Semua kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.
2	Pihak-Pihak Yang Terlibat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mahkamah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hakim</li> <li>• Pendaftar / Penolong Pendaftar</li> <li>• Pembantu Pendaftar</li> <li>• Pembantu Tadbir (Kew)</li> <li>• Pegawai ICT (<b>bagi kes atas talian</b>)</li> </ul> </li> <li>2. Pihak-pihak <ul style="list-style-type: none"> <li>• Plaintiff</li> <li>• Defendan</li> <li>• Peguam Syarie Plaintiff (<b>jika ada</b>)</li> <li>• Peguam Syarie Defedan (<b>jika ada</b>)</li> </ul> </li> </ol>
3	Mahkamah Yang Terlibat	Semua Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan Mahkamah Rendah Syariah (MRS).

## RINGKASAN PELAKSANAAN OPERASI

BIL	PERKARA	CATATAN
4	Tempoh, Hari Dan Masa Operasi	<p>Operasi mahkamah dan kaunter sebagaimana berikut:-</p> <p><b>a) Kaunter :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>8.30 pagi – 1.00 tengah hari</b> (Isnin hingga Khamis)</li> <li>▪ <b>8.30 pagi – 12.15 tengah hari</b> (Jumaat)</li> </ul> <p><b>b) Perbicaraan kes : 9.00 pagi – 1.00 tengah hari</b> (Isnin hingga Khamis).</p> <p><b>c) Perbicaraan pada hari Jumaat dilaksanakan</b> atas keperluan mendesak sahaja.</p>
5	Prosedur Asas	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai Keselamatan / RELA hendaklah membuat saringan awal dan hanya akan membenarkan pelanggan / pihak-pihak / peguam sahaja masuk ke dalam perkarangan mahkamah setelah bacaan suhu dan maklumat diambil. Jika menunjukkan sebarang simptom / tanda, pelanggan akan diminta berurusan pada tarikh lain. Kehadiran hendaklah direkodkan melalui aplikasi <b>MySejahtera</b> atau buku yang disediakan.</li> <li>2. Pihak-pihak hendaklah memakai <b>face mask</b> dan <b>hand sanitizer</b> dengan cara yang betul.</li> <li>3. Pihak-pihak hendaklah duduk di tempat mengikut tanda yang telah disediakan terlebih dahulu oleh pihak Mahkamah.</li> </ol>

## RINGKASAN PELAKSANAAN OPERASI

BIL	PERKARA	CATATAN
		<ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="660 338 1528 555">4. Pihak-pihak dilarang menyentuh peralatan mahkamah dan dinasihatkan menghadkan pergerakan semasa di dalam perkarangan mahkamah.</li><li data-bbox="660 636 1528 741">5. Pihak Mahkamah menyediakan laluan yang tertentu sahaja untuk kegunaan pelanggan yang hadir.</li><li data-bbox="660 822 1528 972">6. Prosiding pendengaran kes sebutan, perbicaraan dan Majlis Sulh adalah di dalam Mahkamah terbuka.</li><li data-bbox="660 1052 1528 1330">7. Hanya tiga orang pelanggan dibenarkan berada di ruang menunggu kaunter dalam satu tempoh masa. Walau bagaimanapun, mahkamah daerah boleh menetapkan <b>jumlah yang bersesuaian</b> tertakluk kepada ruang menunggu kaunter masing-masing.</li><li data-bbox="660 1411 1528 1628">8. Semua kakitangan yang bertugas di kaunter pendaftaran dan berurusan dengan pelanggan hendaklah memakai <i>face mask</i> dan sentiasa menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</li><li data-bbox="660 1709 1528 1859">9. Semua kakitangan yang berurusan dengan pelanggan atau orang awam hendaklah menjaga jarak, sekurang-kurangnya 1 meter.</li></ol>

Garis panduan ini terpakai sepanjang tempoh PKPB dilaksanakan, atau sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan. Pindaan kepada garis panduan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada arahan dari pentadbiran SUK Pahang.

**Disediakan oleh,  
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang**

**12 Januari 2021**

**PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB (PIC) BAGI URUSAN-URUSAN  
DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG (JKSP) SEPANJANG  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian / Nama Pegawai</b>	<b>Nombor Telefon Yang Boleh Dihubungi</b>
1.	<b>Bahagian Sokongan Keluarga</b> i. Puan Irna Saliza binti Mohd Rozali ii. Puan Nor Rahayu binti Kamarudin	012-9751996 013-9106564
2.	<b>Unit Sulh</b> i. Puan Halipah binti Abdul Manaf ii. Tuan Mohd Mustaqim bin Nordin	012-3944452 013-9641575
3.	<b>MTS Kuantan</b> i. Tuan Huzaifah bin Amin ii. Tuan Saharudin bin Haji Zaini	013-3548473 012-9085067
4.	<b>MTS Bentong</b> i. Tuan Aufa bin Mohamed Saballah ii. Tuan Abdullah Umair bin Mohd Salehudin	010-4009188 014-8197537
5.	<b>MRS Kuantan</b> i. Puan Rohana binti Md. Isa ii. Puan Noramirul binti Juned	019-9394600 012-9641791
6.	<b>MRS Pekan</b> i. Tuan Ahmad Zamil bin Mohd Ma'amon ii. Puan Siti Zuriana binti Sh. Abdullah	011-25465502 014-3744134



<b>Bil.</b>	<b>Bahagian / Nama Pegawai</b>	<b>Nombor Telefon Yang Boleh Dihubungi</b>
7.	<b>MRS Bera</b> i. Tuan Mohd Kahar bin Arshad ii. Puan Marlinda binti Hamzah	019-9120303 013-9233075
8.	<b>MRS Muadzam Shah</b> i. Tuan Mohd Zulkarnain bin Kamaruzaman	013-9979497
9.	<b>MRS Jerantut</b> i. Tuan Ahmad Lutfi bin Asri	019-9796044
10.	<b>MRS Bentong</b> i. Tuan Muhammad Zaim bin Abdullah ii. Tuan Busu Firdaus bin Abu Bakar	010-6560894 013-6682815
11.	<b>MRS Raub</b> i. Tuan Muhamad Saharil bin Sahbudin ii. Tuan Hamdan bin Abdul Talib	014-9162004 012-9536096
12.	<b>MTS Temerloh / MRS Maran</b> i. Tuan Mohamad Syahrul Azuan bin Uyub ii. Puan Nor Liyana binti Nasurdin	014-2170965 019-4661832
13.	<b>MRS Lipis</b> i. Puan Halimah binti Ismail	019-9418260
14.	<b>MRS Rompin</b> i. Puan Zaleha binti Ramli	019-9263881
15.	<b>MRS Temerloh</b> i. Tuan Ahmad Dzuisma bin Ahmad Affandi	019-9725050

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian / Nama Pegawai</b>	<b>Nombor Telefon Yang Boleh Dihubungi</b>
16.	<b>MRS Cameron Highlands</b> i. Tuan Muhammad Hanis Ridha bin Makmor ii. Tuan Muhammad Khairi Azri bin Mohamed Paudzi	013-3902575  017-9346280